



UMP-ITB anjur persidangan antarabangsa iMEC dan APSCOMS

Oleh: ZURYATY ZOL

Jalinan kerjasama strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Institut Teknologi Bandung (ITB) berjaya menganjurkan Persidangan Antarabangsa iMEC-APSCOMS 2015 anjuran Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP), UMP dengan kerjasama Fakulti Teknologi Industri, ITB, Indonesia bertemakan '*Materials, Manufacturing and systems for Tomorrow*'.

Program dirasmikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi & Inovasi Malaysia, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah di Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur pada 12 November 2015 yang lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus dan Rektor ITB, Profesor Dr. Kadarsah Suryadi. Turut hadir Dekan FKP, Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff dan Pengerusi iMEC 2015, Profesor Madya Dr. A.K. Prasada Rao serta Pengerusi APSCOMS 2015, Profesor Dr. Abdul Hakim Halim serta Atase Pendidikan, Kedutaan Besar Republik Indonesia Kuala Lumpur, Profesor Dr. Ir. Ari Purbayanto.

Dalam ucapan perasmianya, Datuk Dr. Abu Bakar, menyatakan bahawa seminar antarabangsa anjuran bersama UMP-ITB ini dapat mengukuhkan jalinan dan hubungan antarabangsa di antara kedua-dua pihak sejak tiga tahun lalu.

Di samping itu juga katanya, persidangan antarabangsa ini merupakan platform kepada para peserta untuk berinteraksi dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai penyelidikan semasa dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan.

Sementara itu, Profesor Dato' Dr. Rosli berkata, seminar antarabangsa ini menyaksikan hampir 200 orang peserta daripada dalam dan luar negara yang telah mendaftar untuk membentangkan hasil penyelidikan mereka dalam bidang '*Manufacturing System, Manufacturing Automation, Manufacturing Processes and Materials*'.

"Pengetahuan dan penemuan baharu tidak boleh dihasilkan tanpa sebarang aktiviti penyelidikan, pembangunan (R&D) dan pengkomersialan."

"Justeru, penganjuran iMEC-APSCOM 2015 secara langsung menyediakan platform kepada para penyelidik, pelajar pascasiswazah serta pihak industri dalam bidang Kejuruteraan Pembuatan bersama-sama membentangkan hasil penyelidikan masing-masing."

"Selain itu, dengan adanya platform ini, iMEC-APSCOM 2015 telah memulakan proses untuk mendapatkan penemuan baharu dan daripada penemuan tersebut diharapkan akan terhasil produk dan perkhidmatan untuk pasaran sama ada diperingkat kebangsaan dan juga antarabangsa," katanya.

Ucaptama program disampaikan Profesor B.S. Murty dari Indian Institute of Technology Madras, India yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Nano Materials* dan Profesor Dr. Dradjad Irianto, ITB yang membentangkan kertas kerja berkaitan *Manufacturing Systems*.

Lebih 100 tetamu hadir sepanjang program berlangsung dan peserta kemudiannya berpeluang melawat sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.